

22/06/2003

#### Reaksi ucapan Dr Mahathir

"KITA perlu mencontohi Dr Mahathir kerana kasih sayangnya terhadap parti tidak pernah luntur dan jika semua ahli dapat menghayati komitmen dan kesetiaannya itu, Umno pasti akan dapat memegang tampuk pemerintahan negara.

"Bagi menghadapi Pas yang menjadi ancaman utama orang Melayu juga, Umno perlu menggunakan semua pendekatan untuk meyakinkan rakyat bahawa kita berada di landasan yang benar." - Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak.

"DR MAHATHIR nampak begitu bersemangat dalam ucapannya kerana tidak mahu emosional untuk meninggalkan amanatnya kepada ahli parti.

"Dr Mahathir mahu menyampaikan pesannya dalam keadaan yang tenang dan disampaikan dengan tulus ikhlas. Semangat Dr Mahathir itu juga mungkin kerana mood perhimpunan selama empat hari ini yang berjalan cukup baik." -  
- Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin

"DR MAHATHIR tidak jemu memberi pesanan kepada rakyat dan ahli parti sejak 22 tahun lalu supaya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan pentingnya melindungi negara daripada ancaman luar.

"Perdana Menteri menasihatkan rakyat supaya belajar daripada sejarah kejatuhan negara kepada penjajah bagi mengekalkan kuasa kita di atas bumi ini dan mengelakkan berlakunya perpecahan." - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib

"GENERASI muda Umno akan meneruskan perjuangan dengan lonjakan semangat baru demi menaikkan martabat bangsa, agama dan tanah air.

"Dr Mahathir sudah menyebut segala-galanya dalam ucapannya dan sebagai Ketua Pemuda, saya akan cuba melaksanakan tanggungjawab mengemudi generasi muda untuk menzahirkan harapan serta aspirasi Dr Mahathir." - Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein.

"SEMUA ahli Umno harus bersatu hati dan memberi sokongan kepada Pak Lah yang akan menjadi pengganti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perjalanan peralihan kuasa yang dilaksanakan Presiden Umno adalah tertib dan berlaku dengan baik, selain ketiga-tiga Naib Presiden sepakat untuk tidak menandingi sesiapa saja yang dipilih Pak Lah sebagai Timbalan Perdana Menteri atau Timbalan Presiden Umno." - Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali.

"UMNO mencipta rekod keahlian tertinggi setelah berusaha kuat dalam tempoh empat lima tahun lalu.

"Kita yakin dalam suasana seperti sekarang kita boleh tambahkan lagi keahlian Umno. Jentera parti juga sudah bersedia menghadapi pilihan raya." - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

"KATA-KATA Dr Mahathir bahawa Umno mampu menyapu bersih kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya umum akan datang jika wujud perpaduan di kalangan ahli, menyemarakkan semangat Umno Kelantan untuk mencapai kemenangan di negeri itu.

"Dr Mahathir berjaya memulihkan Umno ke tahap begitu mantap seperti sekarang dan kekuatan parti adalah hadiah paling istimewa kepada pemimpin yang begitu komited membina kembali parti." - Ahli Majlis Tertinggi, Datuk

Mustapa Mohamed.

"APA yang disarankan Presiden Umno patut diikuti semua pihak demi menjaga perpaduan parti.

"Apa yang ditegaskan beliau memang baik dan pentingnya parti bersatu padu untuk menghadapi pilihan raya akan datang." - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tengku Razaleigh Hamzah

"UCAPAN terakhir beliau adalah satu peringatan kepada ahli Umno agar sentiasa menjaga Umno kerana ia adalah satu parti yang boleh menegakkan agama, negara dan orang Melayu keseluruhannya." - Veteran Umno, Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Ismail.

"JIKA kita sayangkan Dr Mahathir, kita mesti ikut kehendaknya iaitu dengan mematuhi nasihat yang disampaikan dalam amanat terakhirnya itu.

"Ahli Umno jangan bertepuk tangan (ketika mendengar ucapan Dr Mahathir) saja, tetapi perlu menghayati nasihat dan amanat yang disampaikan itu." - Veteran Umno, Tan Sri Ghazali Shafie.

(END)